

17 AUG 2002

KUMPULAN TENTANG PELAKSANAAN BAHASA INGGERIS DIANGGAP PENGKHIANAT

BANDAR JENGKA, 17 Ogos (Bernama) -- Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsudin menganggap kumpulan yang menentang pelaksanaan matapelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan, sebagai pengkhianat.

Katanya kumpulan itu nyata tidak mahu melihat kemajuan pendidikan negara selaras dengan perkembangan semasa untuk menghadapi cabaran globalisasi.

"Inilah yang dibimbangi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana jika dibenarkan kumpulan ini bermaharajalela, ia akan menjejaskan matlamat kerajaan untuk melahirkan rakyat berpendidikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvokesyen Kolej Sentral, di sini, hari ini.

Seramai 286 pelajar menerima sijil dan diploma pada majlis konvokesyen kali pertama itu.

Abdul Aziz berkata kumpulan penentang itu bukannya kumpulan yang bersimpati kepada bangsa Malaysia tetapi semata-mata mahukan publisiti murahan serta mengeksploitasikan isu itu untuk kepentingan politik sempit.

"Jika sesuatu program dirancang untuk kebaikan rakyat tetapi ia ditentang oleh kumpulan tertentu, bermakna kumpulan itu tidak mahu melihat kemajuan dan kejayaan negara," katanya.

Isu pelaksanaan Bahasa Inggeris itu timbul apabila beberapa persatuan Cina baru-baru ini membantah hasrat kerajaan melaksanakannya bagi matapelajaran Sains dan Matematik.

-- BERNAMA
HM MS NAK